

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**28 APRIL 2021**

---

**1. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Muhammad Rizal Bin Mohd Sabri, Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F41) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Rangkaian Komputer dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah ditempatkan di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi berkuatkuasa 1 April 2021.

Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

## **2. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2021**

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2021 (Sabtu). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja Seberang Perai. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **3. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021**

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 13 Mei 2021 (Khamis) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada Barisan Wira Hadapan Covid-19, seluruh warga kerja MBSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

## **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 26 Mei 2021 (Rabu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **5. PERJUANGAN MENGHADAPI COVID-19**

Perjuangan menghadapi cabaran Covid-19 masih belum selesai, saya menyeru penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**